



Headline: Suri rumah RM20,000 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 13 July 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 35

## Suri rumah rugi RM20,000 ditipu Macau Scam

**KEPALA BATAS-** Seorang suri rumah mengalami kerugian sebanyak RM20,000 diperdaya sindiket *Macau Scam* semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, wanita berusia 56 tahun itu dihubungi seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai kakitangan sebuah syarikat telekomunikasi.

Menurutnya, lelaki berkenaan memaklumkan kononnya mangsa mempunyai akaun telefon dengan

syarikat itu.

“Pada mulanya mangsa menafikan dakwaan lelaki tersebut, namun panggilan tersebut disambungkan kepada seorang lelaki lain yang mengaku pegawai polis.

“Suspek mendakwa terdapat kes dadah dan pengubahan wang haram dibuat di atas nama mangsa.

“Suspek meminta mangsa memindahkan wang kononnya ke akaun pegawai juruaudit Bank Negara Malaysia untuk tujuan siasatan,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.